

03 MAY 1997

Mahathir-Abu Hassan

ABU HASSAN DIPILIH KERANA BELIAU BERSIH DAN BERKEBOLEHAN, KATA MAHATHIR

Oleh: E. Sivabalan

BLANTYRE (MALAWI), 3 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau memilih Datuk Abu Hassan Omar sebagai Menteri Besar Selangor yang baru kerana beliau mahu "seorang yang bersih dan berkebolehan."

"Saya menangguhkan pemilihan (Menteri Besar Selangor yang baru) kerana saya mahu memastikan saya memilih pengganti yang wajar, seorang yang bersih, seorang yang saya tahu mempunyai kebolehan untuk menjalankan tugasnya.

"Dan saya telah memilih seorang menteri dalam Kabinet saya untuk menjadi Menteri Besar negeri itu," kata beliau kepada wartawan Malaysia pada satu sidang akhbar di akhir lawatan tiga harinya ke Republik Malawi.

Perdana Menteri membuat ulasan itu dalam Bahasa Inggeris sebagai menjawab soalan-soalan dari wartawan Malaysia kerana beliau mahu para pemimpin Malawi yang menghadiri sidang berita itu turut mengetahui mengenai isu yang diperkatakan.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata Abu Hassan terpaksa meletakkan jawatannya dan bertanding pada kerusi negeri Selangor sekiranya beliau akan mengambil alih dari Tan Sri Muhammmad Muhd Taib yang meletakkan jawatan beliau sebagai Menteri Besar pada 14 April lepas.

Muhammad menghadapi dua tuduhan di sebuah mahkamah Australia -- satu, kerana gagal mengisytiharkan sejumlah wang bernilai RM2.4 juta semasa hendak berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brisbane ke New Zealand 22 Dis tahun lepas, dan yang satu lagi kerana membuat pengakuan palsu.

Menteri Besar yang baru dijangka diumumkan pada 21 April lepas selepas Dr Mahathir bertemu dengan Sultan Selangor. Tetapi selepas pertemuan itu beliau berkata yang beliau memerlukan masa yang lebih lagi untuk membuat keputusan mengenai calon yang sesuai.

Sultan pula berkata baginda mahukan seorang menteri besar yang "betul-betul bersih" dan bukan seorang yang hanya mahu memperkayakan dirinya sendiri sahaja.

Semalam. Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas menemui Sultan Selangor mengumumkan mengenai keputusan Dr Mahathir memilih Abu Hassan sebagai Menteri Besar Selangor yang baru.

Abu Hassan, yang juga timbalan pengerusi perhubungan Umno negeri Selangor, telah meletakkan jawatan kabinetnya dan mengosongkan kerusi parlimennya di kawasan Kuala Selangor. Beliau akan bertanding pada pilihan raya kecil negeri kawasan Permatang untuk menjadi anggota Dewan Undangan Negeri Selangor sebelum boleh dilantik sebagai Menteri Besar.

Anggota Dewan Undangan Negeri Kawasan Permatang Datuk Jamaluddin Adnan yang mengosongkan kerusi beliau untuk memberi laluan kepada Abu Hassan akan bertanding pada pilihan raya kecil Parlimen kawasan Kuala Selangor.

Perdana Menteri berkata: "Sekiranya beliau (Abu Hassan) menang, beliau akan menjadi Menteri Besar negeri Selangor yang baru."

Ditanya oleh seorang wartawan Malaysia apa akan terjadi sekiranya Abu Hassan kalah dalam pilihan raya kecil itu, Dr Mahathir berkata: "Sekiranya dia kalah, saya terpaksa mencari orang lain.....mana-mana calon...orang akan mari."

Ditanya mengenai peraturan dalam perlembagaan negeri bahawa menteri besar baru atau pemangkunya perlu dilantik dalam masa 28 hari dari tarikh perletakkan jawatan menteri besar, Dr Mahathir berkata: "Saya fikir kita masih mempunyai sedikit masa lagi. Nampaknya tempoh 28 hari itu belum

lagi tamat."

Perdana Menteri yang juga pengerusi Barisan Nasional berkata pilihan raya kecil boleh diadakan "dalam masa sembilan hari" sambil menambah "Saya tak tahulah sama ada perkiraan saya itu salah atau tidak." -- BERNAMA

ES WAT